

5,000 masih bercuti

FAKTA
Sekolah
dinaiki air
1.5 meter

Pelajar sembilan sekolah di Tumpat, Rantau Panjang dan Gua Musang tak dapat ikuti sesi persekolahan

>>Oleh Rosliza Mohamed
am@hmetro.com.my

TUMPAT: Seramai 5,000 pelajar di sembilan sekolah di Tumpat, Rantau Panjang dan Gua Musang tidak dapat meneruskan sesi persekolahan hari pertama semalam, berikutan laluan ke sekolah mereka dinaiki air sedalam antara satu hingga 1.5 meter.

Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) Kelantan, Hussain Awang berkata, kebanyakan sekolah terabit terletak di sepanjang Sungai Golok, Rantau Panjang.

Menurutnya, lebih 5,000 pelajar serta kira-kira 500 guru di sekolah yang terjejas banjir diarah tidak hadir ke sekolah bagi mengelak sebarang kejadian tidak diini.

"Sesi pembelajaran tahun ini sepatutnya serentak di seluruh negeri semalam tetapi tidak dapat dijalankan di sembilan sekolah terabit kerana kebanyakan bangunan terletak di sepanjang tepi Sungai Golok, Rantau Panjang.

"Antara sekolah itu ialah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Rantau Panjang; Sekolah Kebangsaan (SK) Rantau Panjang; SK Sri Rantau Panjang 1 dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJ-KC) Koy Boon Rantau Panjang dan SK Lubok Setol, Rantau Panjang.

"Di Tumpat pula, sekolah yang terjejas ialah SK Bendang Pak Yong, SK Simpangan dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan



REDAH...pelajar Sekolah Menengah Agama (A) Tarbiah Cabang Empat, Mohd Sharul Basri (depan), 13, menaiki perahu ke sekolah.



BANTU...pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Cabang Empat Nurul Hamimi Mohamad, 16, memeluk beg sekolah dibantu bapanya Mohamad Awang Isa, 45.



BERSIH...kakitangan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Rantau Panjang membersihkan sekolah.

SERONOK...kanak-kanak bermain air banjir selepas diumumkan cuti sekolah.



bilan sekolah yang gagal dibuka hari ini (semalam) supaya menunggu arahan dan maklumat pihak berkuasa sebelum bercadang ke sekolah masing-masing.

"Saya mahukan pelajar di sekolah yang terjejas banjir hanya beroperasi semula sebaik banjir surut selepas disahkan keselamatan khasnya oleh anggota Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) serta Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia," katanya.

Beliau berkata, hasil lawatannya bersama Pegawai Pelajaran Daerah (PPD) Tumpat semalam mendapati air sedalam kira-kira satu hingga 1.5 meter menenggelamkan laluan jalan menuju sekolah di Tumpat dan Rantau Panjang.

"Ia berikutan limpahan air dari Sungai Golok yang dilaporkan meningkat melebihi paras bahaya akibat hujan berterusan sejak Jumaat lalu," katanya.

an (SABK) Nurulhuda," katanya, semalam.

Beliau berkata, di Gua Musang membabitkan SK Bihai kerana berlaku tanah runtuh

dan jambatan kayu menuju sekolah itu yang rosak akibat ditenggelami banjir sejak beberapa hari lalu.

Katanya, empat sekolah di

Tumpat yang terjejas banjir itu bagaimanapun tidak mengalami kerosakan kerana bangunan sekolah tidak dinaiki air, cuma laluan ke

sekolah ditenggelami banjir sedalam kira-kira 1.5 meter.

"Saya sudah mengarahkan kira-kira 500 guru di sem-